

PM bimbang umat Islam terus lemah...

Oleh FARUSH KHAN

ALUR SETAR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan rasa bimbang, bahawa umat Islam di negara ini akan menjadi lemah kalau mereka tidak terus berusaha gigit dan mengekalkan perpaduan di kalangan mereka.

Beliau menegaskan, mereka tidak akan dapat menghadapi segala ancaman dan cabaran yang sentiasa datang kalau mereka tidak berusaha atau berpecah-belah.

"Hari ini kita beruntung kerana kerajaan bersimpati dan mahu menolong kita."

Tetapi kalau kita berpecah-belah, maka sukarlah bagi kita yang pernah hidup dilindungi kerajaan, untuk melawan ancaman dan cabaran itu dengan kekuatan kita sendiri," ujarnya.

Berucap di Majlis Nuzul al-Quran selepas terbuka puasa bersama penduduk-penduduk di Masjid Husba, 29 kilometer dari sini malam tadi, Perdana Menteri berkata, dari usaha dan bantuan kerajaan telah mempunyai ramai cerdik-pandai.

Beliau bagatmanapun kesal dengan sego- longan cerdik-pandai yang tidak berusaha mengukuhkan perhubungan rakyat, walaupun

mereka sendiri mendapat pertolongan dan peluang dari kerajaan.

Beliau mengkritik setengah cerdik-pandai yang tidak bersyukur, tetapi sebaliknya menyel- belahi pihak-pihak tertentu, kononnya, kerana ke- rajaan tidak memberi pertolongan.

"Sebenarnya mereka inilah yang mendapat banyak pertolongan daripada kerajaan," kata Perdana Menteri.

Beliau menegaskan, tindakan golongan seperti itu bukan saja tidak menambah kekuatan masya- rakat atau mengelak perpecahan, tetapi juga menjadikan masyarakat lemah.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga ahli Parli- men Kubang Pasu berkata, dengan adanya cer- dik-pandai hasil peluang-peluang pengajian yang dibuka oleh kerajaan, sepatutnya masyarakat menjadi lebih lega.

Beliau mengingatkan, bahawa setengah dari mereka yang mendapat peluang-peluang itu lupa dengan nikmat yang diberikan.

"Masa dijajah dahulu kita tidak langsung mempunyai hak untuk menentukan nasib kita dan tidak ada peluang bagi anak-anak di kam- pung masuk universiti.

"Sekarang kita dapat mencapai matlamat itu. Tetapi kerana mudah mendapatnya, maka ka- dang-kadang kita lupa dan kurang bersyukur apa yang kita peroleh," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menasihatkan rakyat supaya berusaha mengekalkan kedudukan mere- ka agar tidak hilang kuasa dan tempat.

Peluang2 pengajian

"Kalau kita dijajah orang lain, kali ini kita ti- dak mungkin mendapatkan kuasa itu kembali," katanya.

Beliau juga mengingatkan umat Islam, betapa pentingnya mereka memiliki pendirian teguh ber- rasakan agama untuk menghadapi sebarang an- caman dan cabaran. Di samping itu memperta- han pula kedudukan mereka dengan lebih berjaya.

Katanya, umat Islam terpaksa bertanding dengan berbagai golongan, bukan sahaja di da- lam negeri, tetapi juga di luar.

Oleh itu, katanya, amatlah perlu mereka teru bersatu-padu dan bekerja kuat bagi mengekalkan kekuatan mereka agar dapat mewarisi dunia di samping mencari bekal akhirat.

"Kita mesti ingat, kalau kita miskin kita akan dhina, dan kalau kita dihina agama kita juga akan dihina," tegasnya.

Perdana Menteri menjelaskan, umat Islam hari ini tidak seperti di zaman kegemilangan da- hulu.

Ramal umat Islam dewasa ini hidup dalam keadaan yang buruk kerana terpaksa menum- pang orang lain.

Beliau memberi contoh bagaimana nasib orang-orang Palestin yang terpaksa lari ke ne- gara-negara Arab kerana diserang Yahudi di Leba- non.

Sebahagian dari mereka yang tinggal di Lem- bah Bekaa diharapkan dapat memulakan pepe- ranggan untuk mendapatkan kembali negara me- reka.

"Tetapi kerana perpecahan di kalangan me- reka sendiri, orang-orang lain telah mencari ke- sempatan," katanya.

Beliau berharap perpaduan umat Islam di ne- gara ini akan sentiasa kukuh seperti yang ditun- tut oleh agama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5815
No. Penerimaan 132/8L